

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
8 OKTOBER 2018 (ISNIN)			
1.	<u>Teroka manfaat teknologi nuklear</u> Dalam hal ini, Agensi Nuklear Malaysia, iaitu agensi dibawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim tampil membantu penduduk di luar bandar menambah pendapatan menerusi program membantu komuniti.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Demi keamanan, keselamatan negara</u> Pengarah Perancangan dan Hubungan Antarabangsa, Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Noriah Jamal berkata, Malaysia menjadi ahli ke-150 menandatangani CTBT dan merupakan ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB).	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 2
7 OKTOBER 2018 (AHAD)			
3.	<u>Tiada keperluan maklum penubuhan jawatankuasa kepada Lynas - Fuziah</u> "Pemakluman (penubuhan jawatankuasa itu) juga dibuat sendiri oleh Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Yeo Bee Yin.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Govt does not need to inform Lynas about special committee, says Kuantan MP/ Fuziah: Govt not required to inform Lynas about panel</u> Kuantan member of parliament Fuziah Salleh said the matter was announced by Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin last July and Lynas should be aware of it.	New Straits Times	Rujuk lampiran 3 atau klik pada tajuk berita

5.	<u>Rain and thunderstorms</u> A notice issued by the Malaysian Meteorological Department on Sept 27 says the country will experience a monsoon transition period from the end of September till early next month.	New Straits Times	Rujuk lampiran 4
6.	<u>Sistem amaran lemah gagal kesan tsunami</u> Laporan Jabatan Meteorologi Malaysia menunjukkan, boya yang memakan kos keseluruhan RM7.2 juta itu tidak lagi berfungsi dan sering mengalami kerosakan berikutan vandalisme di laut.	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6 OKTOBER 2018 (SABTU)			
7.	<u>Malaysia manfaat sistem antarabangsa kesan tsunami</u> Di Kota Kinabalu, Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Azemi Daud, berkata sebanyak 16 siren amaran tsunami sudah dipasang di lokasi berisiko dianda bencana alam itu di seluruh Sabah setakat ini.	Berita Harian	Rujuk lampiran 6
8.	<u>Sistem tiga serangkai lebih berkesan, murah</u> “Bagaimanapun, kita berkongsi maklumat dengan negara jiran di rantau ini yang juga memasang tolok pasang surut di kawasan perairan mereka. Jika tsunami dikesan, contohnya di Indonesia, perincian mengenai hal itu akan disebarkan menerusi paparan bulletin ke Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional MetMalaysia.	Berita Harian	Rujuk lampiran 7
9.	<u>Lynas employees call for fair treatment from government</u> Meanwhile, Fuziah said she considered Lynas notified of the review through her appointment by Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin.	The Star	Klik pada tajuk berita

10.	<u>75 terima Darjah Kebesaran Sabah hari ini</u> Antara 23 penerima Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) ialah Awang Husaini Awang Sahari (Anggota Parlimen Putatan), Isnaraissah Munirah Majilis @ Fakharudy (Timbalan Menteri Tenaga Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar) dan Jannie Lasimbang (Pembantu Menteri kepada Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri).	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
-----	---	--------------	------------------------

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
8 OKTOBER 2018 (ISNIN)			
11.	<u>Idea kreatif terokai dunia sains</u> Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) 2018 yang berlangsung selama lima hari itu mendapat sambutan luar biasa terutamanya daripada peminat sains dan teknologi.	Kosmo	Klik pada tajuk berita
12.	<u>The power of algae</u> Algae can grow in saltwater and on land unsuitable for crops. A successful algae-based biofuel could increase world energy without posing a challenge to global food and freshwater supplies.	New Straits Times	Rujuk lampiran 8
13.	<u>4IR, Panacea of the future?</u> Last week, the review by Associate Prof Azeem Farouk on the Fourth Industrial Revolution (4IR) gave some perspectives of how complex issue can be if 4IR is framed as a continuum, instead of an event which is tendency in most cases.	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
14.	<u>Air pasang besar di Selangor</u> Kenyataan itu berkata, Selangor diramalkan menerima hujan pada paras tertinggi sepanjang bulan ini.	Kosmo	Rujuk lampiran 10

15.	<u>Sentiasa ingin tahu</u> Lebih membanggakan, dia bersama tiga lagi rakannya memenangi anugerah Teknologi Terbaik dalam Level Up@ School Game Develoment di Pameran Permainan Video #mydigitalmaker di Kuala Lumpur pada September lalu.	Harian Metro	Rujuk lampiran 11
16.	<u>Pendidikan STEM</u> Pendidikan STEM adalah berasal daripada singkatan SMET iaitu Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi.	Harian Metro	Rujuk lampiran 12
17.	<u>Teruja lancar roket air</u> Antara aktiviti membabitkan aktiviti STEM yang dijalankan pada peringkat sekolah sehingga kebangsaan termasuk Karnival STEM, Roket Air dan Program Bersama-sama Angkasawan Negara.	Harian Metro	Rujuk lampiran 13

6 OKTOBER 2018 (SABTU)

18.	<u>Bajet 2019 tumpu usaha baiki sekolah, tingkat TVET</u> Kementerian Pendidikan akan menumpukan usaha membaik pulih dan membaiki sekolah daif serta sekolah sedia ada di negara ini, selain mempertingkatkan latihan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET) di universiti menggunakan peruntukan Bajet 2019 kementerian itu.	Berita Harian	Rujuk lampiran 14
-----	---	---------------	-------------------

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
8 OKTOBER 2018 (ISNIN)			
19.	<u>Hidden Maya kingdoms revealed</u> The 3D map they made revealed new settlements with houses and temples, defensive fortifications	New Straits Times	Rujuk lampiran 15

	like ditches and moats, as well as agricultural terraces and roads.		
20.	<u>Death count at 11 in Haiti earthquake</u> The epicentre of the quake was located about 19km northwest of the city of Port-de-Paix, the US geological Survey reported.	Malay Mail	Rujuk lampiran 16
21.	<u>Missing toll soars to 5,000 in Palu</u> The number of people believed missing from the quake and tsunami that struck Indonesia's Palu city has soared to 5,000, an official said, an indication that far more may have perished in the twin disaster than the current toll.	The Star	Rujuk lampiran 17 atau klik pada tajuk berita
22.	<u>11 maut Haiti digegar gempa 5.9 Richter</u> Gempa bumi berukuran 5.9 Richter melanda bahagian pantai utara Haiti lewat semalam dan menyebabkan 11 orang maut manakala lebih seratus lagi dilaporkan cedera apabila beberapa bangunan runtuh sewaktu bencana terbabit.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 18
23.	<u>Renewable energy is growing too slow to meet climate goals, International Energy Agency warns</u> The world needs to ramp up adoption of renewable energy, especially beyond the electric power sector — or else it will fall behind in the battle against climate change, the International Energy Agency said on Sunday.	CNBC	Klik pada tajuk berita
24.	<u>RE Invest changes focus, no investments sought this time</u> The second edition of RE Invest, the Ministry of New and Renewable Energy's (MNRE) four-day flagship event which concluded on Friday, was very different from the earlier one held in February 2015, in that this time investment commitments were neither sought nor made.	The Economic Times	Klik pada tajuk berita
25.	<u>IPCC climate change report calls for urgent action to phase out fossil fuels – live</u> That means a massive transformation in the way the world generates energy - phasing out fossil fuels and coal in particular, as well as how it uses transportation and grows food.	The Guardian	Klik pada tajuk berita

7 OKTOBER 2018 (AHAD)

26.	<u>“Avoding climate chaos requires change’</u> Working through the night, the closed-door meeting in Incheon was to convene a plenary later in the day too hammer through a “Summary for Policymakers”.	The Star	Rujuk lampiran 19
27.	<u>Japan Appoints Blockchain-Supportive New Minister of Science and Tech</u> The crypto-verse is welcoming the decision as the new minister had quite a saying in the past when it comes to conclusions related to the legislation of cryptocurrencies while being a promoter of new tech, in this case blockchain.	Ethereum World News	Klik pada tajuk berita
28.	<u>How We Can Turn Plastic Waste Into Green Energy</u> Plastics are among the most valuable waste materials—although with the way people discard them, you probably wouldn't know it. It's possible to convert all plastics directly into useful forms of energy and chemicals for industry, using a process called "cold plasma pyrolysis."	Eco Watch	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Major climate report expected to call for coal shut-down by 2050</u> A major climate report will say coal-generated electricity must be phased out globally by 2050 if the world is to avoid the most catastrophic impacts of global warming, including the total destruction of the Great Barrier Reef.	The Sydney Morning Herald	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 23
TARIKH: 8 OKTOBER 2018 (ISNIN)



UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 08.10.2018

Mega

sains

Teroka manfaat teknologi nuklear

TEKNOLOGI nuklear digambarkan sebagai berbahaya dan mendatangkan risiko keselamatan dan kesihatan kepada penduduk. Namun di sebalik tanggapan semua itu, ada kebaikan yang ditawarkan dari segi inovasi, teknologi dan perkhidmatan. Wartawan *Mega Sains*, **Laupa Junus**, **Aqilah Mior Kamarulbaid** dan **Noor Intan Suhana Che Omar** menerusi laporan khas mini dua siri ini cuba menyingkap mengenai beberapa sumbangan teknologi nuklear kepada orang ramai.

TAMBUNAN Liquid Smoke

LAMPIRAN 1 (SAMBUNGAN) UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 24 TARIKH: 8 OKTOBER 2018 (ISNIN)



NOR AZWIN SHUKRI (kiri) dan rakan penyelidik bersama produk berasaskan buluh hasil teknologi nuklear.



TEKNOLOGI nuklear boleh dimanfaatkan bagi memberi nilai tambah untuk menghasilkan inovasi berasaskan buluh. (GAMBAR HIASAN)

Asap likat buluh

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



Penyelidikan tersebut diketuai penyelidik Bahagian Pemrosesan Teknologi Sinaran Nuklear Malaysia, **Nor Azwin Shukri** menerusi penyelidikan Pembangunan Penghasil Asap Cecair daripada pembakaran buluh di Tambunan.



Seperti diketahui, pokok buluh antara tanaman terbesar di Tambunan dengan sebahagian besar daripada penduduk daerah tersebut berladang dan mencari hasil hutan serta memproses buluh untuk dijadikan produk.

Buluh yang terdapat di kawasan tersebut adalah jenis padu yang sesuai dimanfaatkan untuk dijadikan briket (*briquette* atau bahan penyalu) arang dan dijual di pusat-pusat pengumpulan untuk dijadikan bahan campuran dalam pembajaan dan karbon teraktif. Menurutny, menghasilkan arang daripada buluh menerusi

pembakaran tertutup atau pirolisis, asap yang terhasil tidak akan terlepas ke persekitaran dan tidak berlaku pencemaran.

Projek berkenaan akan menghasilkan dua produk utama iaitu *biochar* atau arang buluh dan asap cecair yang dapat dijual terus kepada pengguna sebagai produk pertanian organik.

Projek berkenaan memberi nilai tambah kepada pendapatan sedia ada untuk masyarakat.

"Pada mulanya kami (Nuklear Malaysia) didatangi komuniti Tambunan yang selama tidak begitu memanfaatkan pokok buluh yang terbiar dan hanya ditebang untuk kegunaan tradisional seperti menghasilkan barangan kraf dan ditanam semula.

"Justeru kita berpendapat buluh ini boleh diberi nilai tambah dan menghasilkan sesuatu yang lebih bernilai ekonomi," ujarnya.

Katanya, antara inovasi yang boleh dihasilkan menerusi teknologi nuklear adalah pembakaran terbuka yang

menghasilkan buluh sebagai bahan bakar dan asap cecair likat.

Sebelum ini tempurung kelapa digunakan sebagai bahan asas serta bahan buangan lain menggunakan teknologi pirolisis atau pembakaran tertutup.

Menerusi teknologi tersebut, arang dimasukkan ke dalam tong dan dipanaskan selama enam jam, sebelum disejukkan juga selama enam jam. Arang berkenaan kemudian dihancurkan menggunakan mesin. Arang tersebut kemudiannya dicampur dengan sagu sebagai bahan aditif. Hasilnya arang terbentuk mengikut acuan khas. Dalam masa sama, asap yang dihasilkan disejukkan atau terpeluwap dan menghasilkan bahan penghalau serangga dan juga bahan pengawet makanan jika disulingkan.

"Projek tersebut telah diuji guna oleh petani di Kundasang," ujarnya yang menjalankan penyelidikan tersebut pada 2014 dan siap setahun kemudian.



ASAP cecair dan arang.



RAMAI menyedari akan kepentingan buluh untuk pelbagai kegunaan, antaranya menghasilkan kraf tangan, kegunaan harian seperti penjepit makanan, pencucuk sate, perabot, lemang dan juga bahan bakar tradisional.

Namun tidak semua daripada kita mempunyai kepakaran atau kemahiran menghasilkan atau memanfaatkan buluh dijadikan bahan berguna.

Justeru jalan penyelesaian tersebut hanya boleh ditemukan dengan adanya bantuan pakar terutama daripada mereka yang mempunyai kemudahan melaksakannya.

Dalam hal ini Agensi Nuklear Malaysia, iaitu agensi di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) tampil membantu penduduk luar bandar

menambah pendapatan menerusi program membantu komuniti. Sasaran mereka sebelum ini adalah penduduk di Tambunan Sabah, yang kaya dengan tanaman buluh.

LAMPIRAN 1 (SAMBUNGAN) UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 25 TARIKH: 8 OKTOBER 2018 (ISNIN)



NOVELTI TEKNOLOGI ASAP CAIR

- Teknologi mesra alam.
- Meminimumkan pencemaran udara.
- Asap cair menjadi alternatif kepada formaldehid.
- Sebanyak 20 kilogram (kg) buluh dapat menghasilkan kira-kira 40 liter asap cair.
- Memperkenalkan produk organik asas tani yang baharu kepada pasaran seperti *biochar*, bio pestisid dan tar.

Kelebihan dan manfaat teknologi:

- Kos permulaan rendah.
- Mudah dialihkan mengikut keperluan.
- Penggantian tong dram mengikut keperluan.
- Perolehan hasil yang setanding sistem komersial berkost tinggi.
- Pengumpulan asap yang dibuat seawal pembakaran buluh.
- Memperkenalkan sistem penghasilan arang biomas dengan penggunaan teknologi mesra alam tanpa pembakaran terbuka.
- Memberi nilai tambah kepada pendapatan masyarakat luar bandar menerusi jualan buluh kepada pengguna.
- Mengembangkan dan memasarkan hasil terbitan asap cecair sebagai penghalau serangga.

PROSES PENGHASILAN ASAP CAIR



Teknologi nuklear ke luar bandar

KEJAYAAN penyelidik Agensi Nuklear Malaysia dalam penyelidikan pertanian juga berjaya membangunkan satu pakej penanaman khasnya bagi stevia yang bertujuan membantu masyarakat luar bandar.

Kejayaan tersebut merupakan hasil gabungan dua elemen penting iaitu bantuan dana dan kepakaran daripada penyelidik agensi kerajaan serta pengusaha stevia tempatan, maka komuniti mendapat manfaatnya.

Berkongsi lebih lanjut, Pegawai Penyelidik Kumpulan Pembaikbakaan Tanaman Bahagian Agriteknologi dan Biosains, Agensi Nuklear, **Norazlina Noordin** berkata, projek tersebut bermula pada 2012 menggunakan aplikasi mutagenesis sinaran gama ke atas pokok induk stevia yang disaring varietinya untuk baka terpilih.

"Kita pilih stevia sebab ia bahan pengganti gula dan elok untuk kesihatan," ujarnya.

Katanya, inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu melibatkan pemilihan varieti yang sesuai dengan iklim negara ini (Khatulistiwa) memandangkan negara asalnya adalah Paraguay yang beriklim tropika.

Kata beliau lagi, varieti yang dipilih untuk penyelidikan pembaikbakaan itu perlu mempunyai ciri-ciri berdaun lebat kerana



NORAZLINA NOORDIN menunjukkan anak pokok stevia yang berjaya dibiakkan.

sumber manis pada bahagian tersebut.

Justeru kerja-kerja R&D itu katanya, melibatkan beberapa peringkat iaitu menambah baik baka benih stevia menerusi teknik mutagenesis, membangunkan teknik kultur tisu tumbuhan bagi membiak anak benih stevia secara komersial.

Pakej itu juga melibatkan pemindahan teknologi kultur tisu pembiakan pokok stevia kepada rakan industri, membangunkan teknik lepas tuai, membangunkan piawai kualiti sebatian stevia dan pembangunan produk hiliran.

Menurut Norazlina, program tersebut tersenarai di bawah inovasi Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebelum ini melibatkan kira-kira 200

STEVIA

Nama saintifik
Alam: Plantae
Order: Asterales
Keluarga: Asteraceae
Genus: Stevia
Spesies: *S. rebaudiana*

masyarakat di Tuaran, Sabah dari tiga buah kampung di Daerah Kiulu iaitu Kampung Sukang Baharu, Kampung Pukak dan Kampung Tenghilan dengan kerjasama Koperasi Getah Kiulu.

"Sebagai permulaan kita memindahkan teknologi kepada kumpulan sasar bagaimana cara menanam bagi membantu mereka meningkatkan hasil pendapatan," ujarnya.

Menerusi cadangan projek satu nurseri stevia pula, projek tersebut bertujuan membantu komuniti membiak anak benih stevia supaya bekalan dapat dihasilkan berterusan dan satu industri yang lestari dapat diwujudkan.

Mereka kemudiannya akan diberi bimbingan dan diberi kesedaran dan pengetahuan dan pembiakan dan menjual anak pokok sebelum memasuki fasa seterusnya iaitu projek hiliran.

Sejenis tumbuhan perubatan yang menghasilkan sebatian pemanis *steviol glycosides*.

Dua jenis *steviol glycosides* wujud dalam tumbuhan ini iaitu *steviosides* dan *rebaudioside A*.

Kedua-dua sebatian tersebut lebih kurang 300 kali ganda lebih manis daripada gula sukrosa.

Steviosides boleh digunakan sebagai pemanis bagi kencing manis.

Tiada sebarang laporan klinikal yang negatif mengenai kencing manis.

Ekstrak stevia boleh ditambah ke dalam bancuhan teh dan kopi, masakan, makanan proses, pastri dan minuman.

Kemanisan antara 100 kali ganda gula tebu.



NORAZLINA NOORDIN memberi penerangan kepada orang ramai mengenai teknologi mutagenesis stevia di Tuaran, Sabah, baru-baru ini.

LAMPIRAN 2

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 26

TARIKH: 8 OKTOBER 2018 (ISNIN)

INFO

OPERASI RUTIN RN42

1. Debu akan disedut melalui inlet

2. Sampel debu yang melekat pada kertas penapis akan dilipat

3. Kemudian akan dimampatkan bagi memastikan setiap partikulid debu masih kekal sebelum dianalisis

4. Proses mengesan gama

5. Selepas 24 jam, sampel tadi akan dihantar ke IDC

Komitmen Malaysia

MENURUT Dr Noriah Jamal, negara ini merupakan salah satu negara yang disenaraikan dalam lampiran triti berkenaan. Ini disebabkan Malaysia memenuhi syarat bahawa ia memiliki reaktor penyelidikan atau reaktor kuasa nuklear iaitu sejak 1992 lagi," jelasnya.

Walaupun dunia menyedari kepentingan Triti CTBT, namun beberapa negara seperti India, Korea Utara dan Pakistan menolak dan enggan menandatangani sementara China, Mesir, Israel, Iran dan Amerika Syarikat bersetuju untuk menandatangani, namun tidak menafsir semula.

Ini menjadikan sebanyak 196 buah negara terlibat secara langsung dalam triti berkenaan iaitu 183 menandatangani.

Sebanyak 13 negara pula tidak menandatangani, manakala 30 tidak menafsir semula.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, terdapat sebanyak 377 buah Sistem Pemantauan Antarabangsa (IMS) di seluruh dunia yang beribu pejabat di Vienna, Australia.

"Salah satunya (IMS) terletak di Stesen Pemantauan Radionuklid RN42 di Stesen Meteorologi, Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang yang diwujudkan pada 2004 dengan tujuan mengesan kewujudan pencemaran nuklear di udara, sebagai salah satu amaran awal bahawa kemungkinan ledakan nuklear telah berlaku.

"Stesen tersebut memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada kesan yang terdapat dalam udara memiliki kandungan nuklear atau tidak.

"Contohnya, jika



NORIAH JAMAL

berlakunya serangan atau balingan bom, partikulat daripada bom tersebut akan dihantar menerusi satelit untuk dikira oleh Pusat Data Antarabangsa (IDC) dan Pertubuhan Perjanjian Pengharaman Komprehensif Ujian Nuklear Komprehensif (CTBTO) bagi menentukan kandungan nuklearnya," katanya lagi.

Dalam perkembangan sama, Noriah turut memberitahu, Agensi Nuklear Malaysia berperanan sebagai Autoriti Kebangsaan (National Authority) untuk Triti itu sejak 1998.

Jelasnya lagi, pemilihan kawasan untuk meletakkan Stesen Pemantauan Radionuklid di Tanah Rata berikutan faktor ketinggian dan arah tiupan angin serta kedudukan geografinya di peta dunia. Penentuan ini dibuat oleh pihak sekretariat CTBT di Vienna.

"Sekiranya berlaku sebarang kejadian seperti kes yang melibat Korea Utara tidak lama dahulu, kesemua data di setiap negara terlibat dengan Triti diminta bersidang ke Vienna.

Ini kerana selalunya apabila melibatkan senjata nuklear atau pengeboman pastinya bersangkut paut dengan politik.

"Justeru tindakan awal perlu segera dilakukan agar kejadian tidak diingini dapat ditangani segera," jelasnya.



FAIZAL AZRIN ABD. RAZALIM (kanan) dan **Operator Stesen Pemantau Radionuklid, Mohd. Zakaria Mat Jusoh** (kiri) menunjukkan sampel yang dikaji di Stesen Pemantauan Radionuklid RN42, Agensi Nuklear Malaysia baru-baru ini.

Demi keamanan, keselamatan negara

MALAYSIA menentang sekeras-kerasnya penggunaan senjata nuklear termasuk ujian senjata nuklear yang melibatkan apa jua bidang demi kelestarian hidup rakyatnya.

Malaysia merupakan antara negara yang mentafsirkan semula (*redefine*) pendirian itu bawah Triti Suruhanjaya Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT) sebagai Pihak Berkuas Kebangsaan bagi CTBT.

Pengarah Perancangan dan Hubungan Antarabangsa, Agensi Nuklear Malaysia, **Dr. Noriah Jamal** berkata, Malaysia menjadi ahli ke-150 menandatangani CTBT dan merupakan ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, sejak menandatangani CTBT pada 23 Julai 1998 dan mentafsir semula pada 17 Januari 2008 jelas membuktikan Malaysia komited dalam menangani pelbagai isu nasional dan antarabangsa khususnya berkaitan dengan keamanan sejagat terutama berhubung senjata nuklear.

Secara dasarnya, teknologi nuklear melibatkan tindak balas nuklear di dalam sesebuah atom yang berupaya mengeluarkan tenaga secara banyak menerusi proses pemisahan atau pencantuman nuklear.

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**
aqilah.mks@gmail.com



Penggunaan teknologi nuklear terbahagi kepada dua iaitu pertamanya bagi tujuan keamanan serta sekuriti dalam bidang pertanian, industri, alam sekitar dan penyelidikan yang memerlukan lesen di bawah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, sementara bagi tujuan perubatan perlu melalui Kementerian Kesihatan.

"Kedua, bagi tujuan bukan keamanan atau ketenteraan, teknologi nuklear boleh digunakan sebagai senjata pemusnah besar. Walau bagaimanapun, pada peringkat antarabangsa terdapat Triti Tidak Kecambahan (NPT) yang bertujuan untuk keamanan dan mencegah pembangunan serta penggunaan senjata nuklear.

"CTBT memulakan rundingan pada peringkat antarabangsa sejak 1994 hingga 1996 di Geneva, Switzerland yang diwakili Kementerian Luar.

"Keputusannya adalah triti CTBT menghalang ujian senjata nuklear oleh sesiapa pun sama ada di udara, laut atau bawah tanah," katanya yang ditemui **Mega Sains** di Stesen Pemantauan Radionuklid RN42 di Tanah Rata, Cameron Highlands,

Pahang baru-baru ini.

Tambah Noriah, segala cadangan yang dibuat perlu mendapat kelulusan Kabinet, membolehkan sebarang tindakan diambil bagi memastikan negara terus kekal aman.

"Terlalu banyak faedah yang diterima apabila negara kita menyertai CTBT termasuk dari segi politik. Kita menjadi ahli bagi menyumbang keamanan dan sekuriti sama ada pada peringkat nasional ataupun antarabangsa.

"Ini bermakna Malaysia sekali gus menyokong tujuan PBB untuk ketidakcambahan nuklear dan perlucutan senjata nuklear. Malah dengan menjadi ahli, Malaysia memiliki capaian kepada data kemungkinan ujian senjata nuklear dan data-data tersebut diguna pakai bagi tujuan awam seperti mengesan kemalangan nuklear di mana-mana sahaja dan tujuan-tujuan aplikasi saintifik yang lain.

"Capaian ini terbuka kepada mana-mana negara yang menjadi ahli triti serta berpeluang juga untuk memperoleh data dari negara-negara lain yang terlibat," ujarnya.

Jelasnya lagi, mana-mana negara yang telah menandatangani triti tidak dibenarkan membuat ujian senjata nuklear atau mengambil bahagian dalam pembangunan senjata nuklear seperti yang

LAMPIRAN 2 (SAMBUNGAN) UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 27 TARIKH: 8 OKTOBER 2018 (ISNIN)



6. Dua minggu kemudian, IDC akan hantar semula ke RN42 bagi tujuan analisis semula.



STESEN Pemantauan Radionuklid RN24, Agensi Nuklear Malaysia di Tanah, Rata, Cameron Highlands, Pahang.

dijelaskan dalam Artikel 18 berkaitan CTBT.

“Sementara Artikel 2 membolehkan negara-negara terlibat mengakses data maklumat sulit dalam konteks penggunaan yang terhad dan terkawal.

“Buat masa ini, di Malaysia terdapat 18 pengguna berdaftar dengan CTBT

sebagai pengguna prinsipal iaitu 13 dari Agensi Nuklear Malaysia, tiga (Jabatan Meteorologi Malaysia), dan masing-masing satu (Transformasi Perkhidmatan Awam dan Majlis Keselamatan Negara) yang memiliki akses tersebut,” ujarnya.

Artikel 14 pula,

menyatakan mana-mana negara perlu mengambil masa selama 118 hari selepas 44 negara yang tersenarai dalam lampiran triti bersetuju untuk menandatangani, bagi membolehkan ia direalisasikan sepenuhnya.

■ Bersambung minggu hadapan.

Manfaat stesen RN42

STESEN Pemantauan Radionuklid RN42 yang mula beroperasi pada November 2008 mempunyai kemudahan mengesan radioaktif bagi memastikan kandungan udara di negara ini selamat.

Kewujudan stesen ini menjelaskan komitmen kerajaan untuk menjamin keselamatan penggunaan tenaga nuklear di negara ini dan di seantero dunia.

Stesen tersebut dibina dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia yang berperanan untuk menjalankan kerja-kerja persampelan radionuklid di udara bagi menentukan sama ada kandungan udara di persekitarannya mengandungi unsur-unsur nuklear atau tidak dan konsentrasi unsur-unsur tersebut.

Stesen RN42 dilengkapi dengan peralatan moden dan terbaharu bagi pengesanan serta mengukur keradioaktifan pada tahap rendah yang hampir sama dengan bacaan latar belakang.

Menurut Pengurus Stesen RN42, **Faizal Azrin Abd. Razalim**, pembinaan projek tersebut juga melambangkan komitmen Malaysia sebagai negara anggota CTBT dengan pendirian tegas untuk membenarkan penggunaan teknologi nuklear hanya bagi tujuan aman, selamat serta terkawal.

Katanya, kerjasama antara agensi pada peringkat kerajaan, antarabangsa dan pelbagai agensi membolehkan peranan stesen itu dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif.

“Sistem pemantauan CTBT akan memantau stesen-stesen melalui empat kaedah iaitu Pemantauan Radionuklid Partikel dan Gas Nadir atau *Noble Gas*, Pemantauan Seismik,

Pemantauan Infrasound dan Pemantauan Hidro Akustik sama ada di bawah air, bawah tanah dan udara.

Malaysia hanya menempatkan Stesen Pemantauan Radionuklid di Tanah Rata buat masa ini.

“Kedudukan stesen ini di Tanah Rata amat bersesuaian kerana memiliki faktor suhu yang lembab sehingga 80 peratus, sekali gus membolehkan bacaan diambil dengan tepat,” katanya.

Sesuai jisim yang sangat panas dan bercahaya akan bergabung membentuk awan radioaktif akibat dari letupan nuklear.

Apabila awan sejuk, radionuklid mengewap dan melekat kepada aerosol di dalam awan yang dibawa oleh angin.

Tambah **Faizal Azrin**, stesen tersebut akan menyedut partikulid debu yang diterbangkan oleh angin melalui *inlet* di Tapak Air

Sampler bagi membolehkan proses persampelan sebelum data-data dihantar ke IDC menerusi satelit bagi memastikan kandungan radioaktif di dalam udara.

Mesin tersebut akan beroperasi selama 24 jam sehari dan mengambil masa selama 72 jam bagi menyiapkan satu proses *sampling* sebelum data-data mentah dihantar ke IDC.

“Sampel-sampel itu akan disimpan dan akan di hantar semula ke Vienna pada setiap tiga bulan bagi membolehkan mereka menghantarnya ke makmal di seluruh dunia untuk menganalisis semula kandungan tersebut,” ujarnya.

Tambah beliau, sepanjang perjalanan kerjaya di stesen RN42, stesen tersebut turut diiktiraf sebagai stesen terbaik pada dua tahun lalu kerana sejak diwujudkan tiada lagi sebarang kelewatan laporan.



LAMPIRAN 3

NEW STRAITS TIMES (NATION/ NEWS): MUKA SURAT 54
TARIKH: 7 OKTOBER 2018 (AHAD)

MONITORING COMMITTEE

Fuziah: Govt not required to inform Lynas about panel

KUANTAN: The government is not required to inform Lynas Corporation Ltd (Lynas) about the setting up of a committee to monitor the rare-earth mining company's plant in Gebeng here.

Kuantan member of parliament Fuziah Salleh said the matter was announced by Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin in July and that Lynas should be aware of it.

"The matter will be discussed in the cabinet meeting on Wednesday. We shall wait for the outcome," she said after casting her vote at the Kuantan PKR branch party polls here yesterday.

"I'm confident that the setting up of the committee will benefit to people in Kuantan.

"The committee will not disrupt Lynas's operations here, but it is to monitor the plant's (operations) as the government's priority is to ensure any action or proposal taken by it will not affect investors."

Earlier, Lynas chief executive officer and managing director Amanda Lacaze was reported as asking the government to provide a complete information on the committee to make it easier for the company to cooperate with the government.

Meanwhile, Fuziah said the e-voting process introduced by the central PKR leadership would expedite the tallying of the results.

"Everything is proceeding smoothly. I expect the results to be announced on time... Maybe about 6pm, we can obtain all the results.

"I believe 99 per cent of the votes from the Kuantan

branch will be given to 'Reformasi 20 Tahun' candidate Rafizi Ramli," she said.

Fuziah, who is deputy minister in the Prime Minister's Department, is running against Haniza Talha to lead the PKR Women's wing. A total of 2,231 Kuantan PKR members were eligible to vote yesterday.



Fuziah Salleh

LAMPIRAN 4
NEW STRAITS TIMES (INFOGRAPHIC/ NEWS): MUKA SURAT 15
TARIKH: 7 OKTOBER 2018 (AHAD)

RAIN AND THUNDERSTORMS

A NOTICE issued by the Malaysian Meteorological Department on Sept 27 says the country will experience a monsoon transition period from the end of September till early next month.

During this period, Malaysians can expect winds from various directions as the Southwest Monsoon season is coming to an end.

Normally, heavy rain and thunderstorms occur in short intervals, followed by frequent strong winds, especially from

the afternoon until night. Areas affected by this are the west coast states and the interior of the peninsula, west coast of Sabah and the western and central parts of Sarawak.

However, the department's director-general, Alui Bahari, said there is no cause for alarm. He says the chances of super strong winds like typhoons hitting Malaysia are remote.

According to him, the recent storm in Perlis was an isolated

case and not related to the deadly Typhoon Mangkhut that wreaked havoc in the Philippines and Hong Kong.

Alui says the department is constantly keeping tabs on the weather situation, and has been issuing regular warnings on thunderstorms and rough sea conditions on its website (www.met.gov.my).

TEH ATHIRA YUSOF reports on the thunderstorm phenomenon and how to stay safe.



EARLY SIGNS OF THUNDERSTORMS

- Drastic drop in temperature
- Formation of dark clouds
- Lightning
- Heavy rain
- Drastic changes in winds



HOW TO PROTECT YOURSELF IN A THUNDERSTORM

- Seek refuge in a building and not under isolated structures such as trees and electric poles.
- If you are caught outdoors and there's no shelter nearby, find a low spot away from trees, fences, and poles. Make sure the place you pick is not subject to flooding.
- Check the weather forecast before leaving for extended periods outdoors.
- Postpone outdoor activities if storms are imminent

HOW THUNDERSTORMS ARE FORMED

- Thunderstorms are formed from cumulonimbus clouds, which are often dark.
- Important factors are moisture, unstable atmosphere and the lifting force.
- Unstable air relatively means hot air has lower density than cold air. The hot air will rise through a transition process. Clouds will form when hot air with moisture rises and cools through a condensation process.
- During the condensation process, latent heat will be released, causing the air to be hotter than the surrounding air and rising into the atmosphere.
- The process will continue until the cumulonimbus clouds are formed, creating thunderstorms which bring strong winds, heavy rain and lightning.



HISTORY OF TYPHOON AND CYCLONES IN MALAYSIA

DECEMBER 1996: Tropical Storm Greg hit Keningau in Sabah, claiming more than 200 lives with 100 others missing. It brought rainstorm for six hours, with some areas experiencing 24-hour rain fall. More than 3,000 people were left homeless.

DECEMBER 2001: Typhoon Vamei struck Johor. It was created in the South China Sea just 12 hours before it landed in Desaru. It caused floods and landslides and claimed many lives. The typhoon weakened to a tropical depression as it crossed the state into Melaka.

AUGUST 2013: Malaysia felt the effects of Typhoon Utor, with drier weather in West Malaysia and more rainfall in Sabah. The close proximity of Sabah waters to the Philippines, where it started, caused strong winds and rough waters with waves rising as high as 3.5m. The typhoon wreaked havoc in Hong Kong and China.

SEPTEMBER 2017: Typhoon Doksuri caused heavy rain in Penang with a recorded rainfall of between 100mm and 270mm in just four hours.

NOVEMBER 2017: Penang was hit by the Fujiwara phenomenon, coming from the meeting of the Damrey typhoon (that had hit Vietnam) and another smaller typhoon originating from the Gulf of Siam. It caused floods around the island.

SEPTEMBER 2018: Sabah received a warning to brace for any residual impact from Typhoon Mangkhut which affected Hong Kong and Philippines, where it originated. However, the state was spared the fury of the typhoon.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (DARI KACA MATA): MUKA SURAT 10
TARIKH: 7 OKTOBER 2018 (AHAD)

Sistem amaran lemah gagal kesan tsunami

"Malaysia masih selamat kerana kita berada di luar kawasan lingkaran api Pasifik," kata seorang rakan sambil menghulur telefon bimbitnya yang menunjukkan imej peta Asia Pasifik.

Lakaran bintik merah memenuhi rantai Kepulauan Indonesia menunjukkan kawasan yang pernah dilanda tsunami. Berbentuk seperti ladang kuda, Malaysia berada di tengah lingkaran berkenaan.

Saya agak pesimis. Mana mungkin dengan kedudukan seperti itu kita boleh berasa selamat lagi. Kejadian yang melanda Sulawesi minggu lalu mengingatkan saya semula terhadap peristiwa tsunami Aceh pada 2004.

Isa sejarah pertama negara berdepan dengan korban tsunami yang turut mengakibatkan jumlah kematian besar di seluruh dunia.

Malaysia saja mencatatkan kehilangan 76 nyawa. Saintis sendiri yang membuat kajian terha-

dap tsunami tidak pelik dengan keadaan yang berlaku tetapi tidak pernah terbit dalam fikiran mereka bahawa impak sebegitu turut merentasi kawasan negara kita.

Kejadian 14 tahun lalu membuka mata dunia bahawa hampir setiap data cerapan paras air di seluruh dunia menunjukkan perubahan kesan tragedi berkenaan.

Penting untuk kita tahu, tsunami tidak sama seperti fenomena bencana lain seperti kesan gempa bumi mahupun taufan yang terhad pada skala geografi tertentu.

Isa satu-satunya bencana merentasi sempadan kerana gelombang tsunami di laut boleh bergerak dengan kelajuan sama seperti kapal terbang merentasi ribuan kilometer, jika tiada daratan yang menghalang.

Tidak menghairankan apabila kejadian di Aceh mengakibatkan kematian hingga ke Somalia yang beribu kilometer jauhnya dari pusat gempa.

Sistem ramalan awal

Antara isu utama yang mendapat perhatian sebaik saja tsunami melanda Sulawesi dengan angka kematian yang kini melebihi 1,200 orang ialah sistem ramalan yang gagal memberi amaran awal mengenai kehadirannya.

Agensi Meteorologi Indonesia (BMKG) sendiri bertanggungjawab memantau sistem terabit mengakui kesilapan menarik semula ramalan awal tsunami yang dikeluarkan sebaik gempa bumi melanda.

Sistem ramalan tsunami di Indonesia yang siap pada 2008 membabitkan sensor seismograf, pelampung, alat pengukur pasang surut dan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS).

Namun, tiada langkah dapat meramalkan skala tsunami yang berlaku pada minggu lalu dengan ketinggian melebihi tiga meter di bandar Palu, yang terletak di selatan dari pusat gempa.

Persoalannya, apa sebenarnya yang terjadi dengan sistem berkenaan? Sebahagian besar saintis negara luar seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jerman yang terabit dalam sistem pemasangan ramalan awal tsunami mengakui ada kelemahan dalam pengurusan sistem berkenaan.

Indonesia memiliki sistem boya tsunami yang berfungsi mengesan sebarang perubahan paras laut untuk menghantar amaran kepada pusat pengurusan sistem bagi tindakan amaran. Malangnya sejak 2012, lebih 22 boya tsunami rosak berikutan tiada penyelenggaraan.

Kos pemasangan setiap boya menelan belanja lebih RM1 juta, manakala kos penyelenggaraan tahunannya mencecah RM200,000 setiap satu. Indonesia memiliki lebih 60 boya berkenaan.

Jurucakap panel pengurusan bencana Indonesia sendiri me-

ngakui sukar menanggung kos untuk memastikan semua sistem ini berada dalam keadaan baik. Peruntukan terpaksa dikurangkan setiap tahun memandangkan ekonomi negaranya yang tidak menentu.

Kejadian di Palu mendedahkan satu lagi kelemahan besar sistem sedia ada.

Penyampaian maklumat dan amaran di kawasan yang dijangka berlaku tsunami tidak lengkap. Beberapa keperluan seperti sistem siren untuk memberi amaran kepada penduduk masih kurang selain memerlukan pelaburan yang besar untuk melengkapkannya.

Cabaran Malaysia

Beberapa hari lalu kita dikejutkan dengan laporan tiga boya tsunami milik Malaysia terpaksa dilupuskan kerana rosak, manakala kes baik pulih menjadi tinggi setiap tahun.

Laporan Jabatan Meteorologi Malaysia menunjukkan, boya yang memakan kos keseluruhan RM7.2 juta itu tidak lagi berfungsi dan sering mengalami kerosakan berikutan vandalisme di laut.

Negara juga amat terkesan dengan tsunami Aceh pada 2004 sehingga sistem ramalan ini dipangsang sebagai persediaan terha-

dap kemungkinan kejadian seumpamanya.

Malaysia sebenarnya terabit aktif bersama-sama negara serantau dalam pembangunan kepakaran model komputer bagi mengkaji senario tsunami dan kesannya terhadap seluruh pantai di negara kita.

Meteorologi Malaysia mengambil langkah proaktif dalam mencari alternatif terhadap sistem boya amaran tsunami yang dilupuskan. Kerjasama dengan beberapa buah negara bagi mendapatkan maklumat tsunami daripada sistem ramalan negara lain turut dilaksanakan.

Sistem yang dibangunkan oleh negara seperti India, Jepun dan AS, manakala Indonesia sendiri akan membantu Malaysia jika tsunami berlaku di kawasan berhampiran negara kita.

Namun, sistem persediaan yang kita miliki masih jauh dari lengkap. Sistem ramalan tsunami satu perkara, manakala sistem penyampaian maklumat seperti siren, telefon bimbit, capaian internet serta maklum balas penduduk menjadi cabaran berbeza.

Kerajaan harus melihat perkara ini dengan lebih serius dan memastikan boya yang lupus berkenaan perlu diganti dengan penyelesaian yang lebih ampuh dan efektif.

Mentaliti bahawa kita masih selamat dari bencana alam berbanding negara jiran harus dinilai dengan perspektif berbeza. Memang kita jarang dilanda bencana tetapi dalam keadaan tidak bersedia, impaknya bakal memberi kesan mendalam terhadap masyarakat dan negara.

Pepatah Melayu 'sudah terhanak baru tergadahl', bunyinya tajam tetapi cukup memberi ingatan penting kepada kita.



LAMPIRAN 6
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 19
TARIKH: 6 OKTOBER 2018 (SABTU)

Malaysia manfaat sistem antarabangsa kesan tsunami

Kuala Lumpur: Malaysia kini mengharapkan kepada sistem antarabangsa yang boleh diakses dari negara jiran, iaitu Indonesia dan Filipina bagi pengesanan amaran tsunami di tengah laut, jika berlaku bencana alam itu.

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik MetMalaysia, Dr Chai Mui Fatt, berkata Indonesia, khususnya mempunyai banyak pelampung tsunami bagi mengesan kehadiran ombak kuat di tengah laut.

"Indonesia dikatakan mempunyai kira-kira 60 boya laut dalam, namun 22 daripadanya sudah tidak berfungsi sejak enam tahun

lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan eksklusif *NSTP* mengenai tiga boya berharga kira-kira RM9 juta yang sepatutnya mencerap data dan menyalurkan maklumat awal mengenai amaran tsunami diluncurkan sepenuhnya kerana tidak lagi berfungsi.

Di **Kota Kinabalu**, Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Azemi Daud, berkata sebanyak 16 siren amaran tsunami sudah dipasang di lokasi berisiko dilanda bencana alam itu di seluruh Sabah setakat ini.

Beliau berkata, siren berkenaan akan diaktifkan jika berlaku tsu-

nami yang boleh memberi kesan kepada penduduk kawasan pantai di negeri ini.

2 boya disah tak berfungsi

"Semua kejadian gempa bumi, termasuk di luar negara dipantau sama ada ia menyebabkan tsunami atau tidak. Jika berlaku tsunami, kita akan lihat juga sama ada ia boleh sampai ke negeri ini atau tidak sebelum mengaktifkan siren amaran," katanya yang turut mengesahkan dua boya di perairan Sabah tidak berfungsi dan dihapuskan.

Beliau berkata, dalam kejadian tsunami selepas gempa bumi kuat

di Sulawesi pada 28 September lalu, tiada amaran dikeluarkan, khususnya di Sabah kerana ia tidak memberi kesan kepada negeri ini.

Di **Miri**, Penolong Pengarah Met-Malaysia, Cawangan Miri, Ong Chen Wei, berkata pihaknya baru-baru ini melakukan ujian tsunami untuk memastikan peralatan siren tsunami sentiasa berfungsi jika sebarang malapetaka tsunami berlaku.

Beliau berkata, ujian itu tidak menggunakan bunyi siren yang jelas kerana bimbang timbul gangguan lain, tetapi dalam situasi sebenar, siren itu cukup jelas untuk

didengar seluruh penduduk.

"Malah, ia boleh didengar dengan jelas dalam lingkungan tiga kilometer persegi di sekeliling menara Siren Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) di sini.

"Amaran ini turut memberi peluang penduduk pinggir pantai berpindah ke kawasan selamat, sebelum tsunami melanda," katanya.

Siren amaran awal tsunami terletak di Pantai Luak di sini yang berharga RM20 juta, dipasang Julai 2010, adalah satu-satunya siren amaran seumpamanya yang terdapat di Sarawak.

LAMPIRAN 7

BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 19

TARIKH: 6 OKTOBER 2018 (SABTU)

Sistem tiga serangkai lebih berkesan, murah

➔ Tolok pasang surut, kamera pantai, siren amaran memiliki kelebihan berbanding boya tsunami

Oleh **Hidir Reduan dan Luqman Arif Abdul Karim**
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Sistem tiga serangkai' merangkumi tolok pasang surut, kamera pantai dan siren amaran lebih berkesan serta murah berbanding pemasangan boya tsunami yang terpaksa dilupuskan kerajaan sebelum ini.

Peralihan mekanisme yang menjadi sebahagian daripada Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) itu dilaksanakan pada waktu sama pemasangan boya dijalankan di tiga perairan, iaitu Laut Andaman, Laut China Selatan dan Laut Sulawesi dari 30 Disember 2005 hingga 22 Ogos 2010.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Alui Bahari, berkata tolok pasang surut mempunyai kelebihan berbanding boya tsunami berdasarkan aspek kos penyelenggaraan,

pemantauan dan lokasi pemasangan, sekali gus mewujudkan sistem lebih menyeluruh.

Beliau berkata, kos penyelenggaraan seunit sistem tolok pasang surut dianggarkan RM100,000 bergantung lokasi, manakala boya tsunami diletakkan di tengah laut sehingga terdedah kepada ancaman vandalisme dan risiko hanyut dibawa arus deras ialah lima kali ganda, iaitu RM500,000.

"Tolok pasang surut dan pelampung (boya tsunami) mempunyai fungsi sama, malah kedua-dua peralatan ini dipasang pada waktu sama susulan bencana tsunami terburuk melanda Aceh pada 26 Disember 2004.

Andaian tak benar

"Jadi, andaian Malaysia terdedah kepada risiko tsunami kerana boya rosak dan gagal berfungsi adalah tidak benar kerana kita mempunyai tolok pasang surut ditempatkan di 17 lokasi seluruh negara, khususnya kawasan berisiko tinggi seperti Sabah, Perlis, Kedah serta Pulau Pinang.

"Pengesanan bencana tsunami turut dibantu tiga negara membekalkan maklumat dengan kita di rantau ini, iaitu Australia, Indonesia dan India, selain memperoleh data dari Pusat Amaran Tsunami Pasifik (PWTC) di Hawaii, Amerika Syarikat serta Agensi Meteorologi Jepun (JMA)," katanya kepada NSTP, kelmarin.

NSTP sebelum ini melaporkan tiga boya berharga kira-kira RM9 juta yang sepatutnya menceraip data dan menyahurkan maklumat awal mengenai amaran tsunami dilupuskan sepenuhnya kerana

tidak lagi berfungsi.

Pemasangan peralatan menggunakan teknologi dari Norway itu pada mulanya dilakukan secara berfasa sejak 2006, merangkumi tiga lokasi perairan, iaitu Laut Andaman, Laut Sulawesi dan Laut China Selatan.

Susulan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kelmarin, mengarahkan kajian menyeluruh, termasuk dari segi teknikal dibuat segera berhubung keperluan mengganti boya yang boleh menceraip data dan menyahurkan maklumat awal mengenai amaran tsunami.

Mengulas lanjut, Alui berkata, keraguan segelintir pihak terhadap tolok pasang surut yang menganggap ia tidak mampu memberikan ramalan awal tsunami kerana diletakkan di kawasan pantai berpunca daripada salah faham.


Amaran tsunami

Beliau berkata, Malaysia berada di luar lingkaran api pasifik yang diketahui umum sebagai kawasan berisiko berlaku gempa bumi dan tsunami, justeru kemungkinan bencana itu melanda perairan negara sangat rendah.

"Bagaimanapun, kita berkongsi maklumat dengan negara jiran di rantau ini yang juga memasang tolok pasang surut di kawasan perairan mereka. Jika tsunami dikesan, contohnya di Indonesia, perincian mengenai hal itu akan disebarkan menerusi paparan bulletin ke Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional MetMalaysia.

"Sebagai langkah berjaga-jaga,

TOLOK PASANG SURUT



GRAFIK 01



Tolok pasang surut dan boya tsunami mempunyai fungsi sama, malah kedua-dua peralatan ini dipasang pada waktu sama

Alui Bahari,
Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia

kita akan terus menaik taraf dan memperluaskan pemasangan sistem tiga serangkai ini, khususnya membabitkan kawasan berisiko tinggi supaya bencana tsunami berupaya dikesan lebih awal.

"Amaran akan disebarkan kepada umum menerusi paparan khas di televisyen, media sosial dan aplikasi MyCuaca bagi memastikan setiap perkembangan berdasarkan analisis maklumat daripada sistem sedia ada disampaikan dalam tempoh mengikut prosedur operasi standard (SOP), iaitu lapan minit," katanya.

LAMPIRAN 8 NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 13 TARIKH: 8 OKTOBER 2018 (ISNIN)



ZAKRI ABDUL
HAMID

ALTERNATIVE ENERGY

THE POWER OF ALGAE

The quest to create more environmentally-friendly biofuels is a good example of how new Malaysia can successfully harness expertise

PRIME Minister Tun Dr Mahathir Mohamad recently called for researchers to find new industrial crops to diversify beyond rubber and oil palm, and expand our economic base.

Those two crops have been cornerstones of our socio-economic development even before independence — antidotes for poverty and proven saviours in time of economic downturns.

We pride ourselves as one of the most megadiverse countries on Earth and we are one of the earliest signatories of the highly-acclaimed UN Convention on Biological Diversity, signed by Dr Mahathir himself during the Earth Summit in 1992. And yet we have not done enough to fulfil the second objective of the treaty, namely “to sustainably use the components of biodiversity” even for our own national benefits. It is, therefore, worth a second look.

Interestingly, the next industrial crop need not be a tree. It could be the abundant seaweed surrounding the extensive coastline and numerous islands of our megadiverse country.

Algae are often referred to as “lower plants”. They range from microscopic (microalgae, phytoplankton) to the seaweed species found in the ocean but also on land, in freshwater, and in brackish water.

Seaweed makes up more than 99 per cent of commercial algae biomass produced worldwide.

Global production and algae for various uses, including food, animal feed, health food supplements, pigments, fertilisers, and many others, already constitute a multibillion-dollar industry. And in recent years, interest has surged in algae-derived biofuels — a renewable energy source.

ExxonMobil is one of the corporations conducting research and development in a big way — examining, for example, how to

produce a fuel that emits less climate-changing CO₂. Diesel fuel refined from energy-rich algae oils could transform how we power everything, from automobiles to jet planes. It can be used in existing diesel automobiles without major changes to engines and infrastructure.

The climate-related benefits of algae-derived energy, however, go beyond lower CO₂ emissions (about half as much as petroleum-derived fuel). Since algae consume CO₂, production sites could also become much-needed carbon sinks.

